

**ANALISIS TEMATIK TAFSIRAN AYAT AL-QURAN
BERKAITAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR**

‘TMAADUDDIN BIN ABDUL HALIM

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2016**

**ANALISIS TEMATIK TAFSIRAN AYAT AL-QURAN BERKAITAN
PENJAGAAN ALAM SEKITAR**

Oleh

'IMAADUDDIN BIN ABDUL HALIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2016

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya tesis ini dapat dihasilkan. Setinggi-tinggi penghargaan buat Profesor Madya Dr. Noor Shakirah Mat Akhir selaku penyelia utama di atas bimbingan bernilai dalam proses penghasilan tesis ini. Terima kasih juga kepada para pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang turut membantu dalam proses penulisan tesis ini. Semoga tunjuk ajar dan didikan ikhlas yang telah dicurahkan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah SWT. Jutaan terima kasih juga buat ayahanda dan bonda tercinta Abdul Halim juga Noraini yang banyak berdoa dan memberi restu untuk menghasilkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada isteri Nur Hidayah dan cahaya mata Najlaa 'Izza serta Nujaimatul Iman yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sepanjang proses kajian ini. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih buat ahli-ahli keluarga, keluarga mertua dan sahabat-sahabat yang banyak memberi sokongan dan idea dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat dalam memberikan sokongan sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Semoga Allah SWT memberikan rahmat-Nya dan memberkati kehidupan kita semua di dunia dan akhirat.

'Imaaduddin Abdul Halim
Bahagian Pengajian Islam
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Jadual	ix
Senarai Singkatan	x
Senarai Lampiran	xi
Panduan Transliterasi	xii
Abstrak	xiv
Abstract	xvi
 BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Kajian Lepas Dan Sorotan Karya	9
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Persoalan Kajian	17
1.7 Definisi Operasional	17
1.7.1 Analisis <i>Mawḍū'iy</i> (Tematik)	17
1.7.2. Ayat	18
1.7.3 Penjagaan	18
1.7.4 Alam Sekitar	18
1.7.5 Al-Quran	19

1.8	Skop Dan Batasan Kajian	19
1.9	Kaedah Penyelidikan	23
	1.9.1 Kaedah Perpustakaan	23
	1.9.2 Kaedah Temu Bual Tidak Berstruktur	24
1.10	Kepentingan Kajian	26

BAB 2: ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

2.1	Pendahuluan	28
2.2	Ayat-ayat Berkaitan Proses Kejadian Alam	28
2.3	Unsur-unsur Utama Alam Sekitar	37
	2.3.1 Air	37
	2.3.1.1 Unsur Air	39
	2.3.1.2 Bentuk-bentuk Air	40
	2.3.1.3 Kepentingan Air	41
	2.3.2 Tanah	50
	2.3.2.1 Jenis-jenis Tanah	51
	2.3.2.2 Lapisan-lapisan Tanah	52
	2.3.2.3 Kepentingan Tanah	53
	2.3.3 Angin Atau Udara	60
	2.3.4 Komponen-komponen Utama Alam	65
	2.3.4.1 Pohon Dan Tumbuh-tumbuhan	66
	2.3.4.2 Haiwan	80
2.4	Konsep Al-Mizān Dan Takdir	88

2.5	Konsep Penjagaan Alam Sekitar Menurut Al-Quran	99
2.5.1	Khalifah Di Bumi	108
2.5.2	Keistimewaan Sebagai Khalifah	112
2.5.3	Kepentingan Amanah Yang Diberikan	115
2.5.4	Akidah Tauhid	119
2.5.5	Syariat	128
2.5.6	Akhlak	128
2.5.7	Hubungan Akidah Tauhid, Syariat Dan Akhlak	138
2.6	Kesimpulan	143

BAB 3: KONSEP TAFSIR AL-QURAN

3.1	Pendahuluan	145
3.2	Tafsir	145
3.2.1	Pengertian Tafsir	145
3.2.2	<i>Tafsīr bi al-Mā'thūr</i> dan <i>Tafsīr bi al-Rā'yi</i>	147
3.2.2.1	Definisi <i>Tafsīr bi al-Mā'thūr</i>	148
3.2.2.2	Sumber-sumber <i>Tafsīr bi al-Mā'thūr</i>	148
3.2.2.2.1	Sumber al-Quran	148
3.2.2.2.2	Sumber al-Sunnah	149
3.2.2.2.3	Sumber Sahabat	149
3.2.2.3	Definisi <i>Tafsīr bi al-Rā'yi</i>	150
3.2.2.4	Hukum <i>Tafsīr bi al-Rā'yi</i>	151
3.2.3	Kaedah-kaedah Tafsir	153
3.2.3.1	<i>Al-Tafsīr Al-Taḥlīlī</i> (Tafsir Dengan Kaedah Taḥlīlī)	154

3.2.3.2	<i>Al-Tafsīr Al-Ijmālī</i> (Tafsir Dengan Kaedah Umum)	155
3.2.3.3	<i>Al-Tafsīr Al-Muqārin</i> (Tafsir Dengan Kaedah Perbandingan)	156
3.2.3.4	<i>Al-Tafsīr Al-Mawḍū'īy</i> (Tafsir Dengan Kaedah Bertema)	158
3.2.3.4 (a)	Sejarah Kemunculan Dan Perkembangan <i>Tafsir al-Mawdu 'iy</i>	158
3.2.3.4 (b)	Bentuk-bentuk <i>Tafsīr al-Mawḍū'īy</i>	163
3.2.3.4 (c)	Kepentingan <i>Tafsīr al-Mawḍū'īy</i>	166
3.3	Latar Belakang Tafsir	171
3.3.1	Latar Belakang <i>Tafsīr Ibn Kathīr</i>	171
3.3.2	Latar Belakang <i>Tafsīr Al-Miṣbah</i>	173
3.4	Kesimpulan	177
BAB 4: TAFSIRAN AYAT-AYAT PENJAGAAN ALAM SEKITAR DAN ANALISIS ISU-ISU ALAM SEKITAR DI MALAYSIA		
4.1	Pendahuluan	178
4.2	Ayat-ayat Berkaitan Penjagaan Alam Sekitar Menurut al-Quran	178
4.3	Penafsiran Ayat-ayat Berkaitan Penjagaan Alam Sekitar	181
4.3.1	Istilah <i>Lā</i>	181
4.3.2	Istilah <i>Lā Tufsidū</i>	181
4.3.3	Istilah <i>Lā Ta'thaū</i>	209
4.3.4	Istilah <i>Lā Yuḥibbu</i>	243
4.3.5	Istilah <i>Lā Tattabi'</i>	265
4.3.6	Istilah <i>Ista'marakum</i>	273

4.3.7	Istilah <i>Tabghi</i>	281
4.3.8	Istilah <i>Lā Tamshi</i>	282
4.4	Analisis Isu-Isu Alam Sekitar Di Malaysia Berdasarkan Ayat-ayat Al-Quran Berkaitan Penjagaan Alam Sekitar	291
4.5	Pandangan Pakar Berkaitan Isu-isu Alam Sekitar Di Malaysia	305
4.5.1	Responden Pertama	305
4.5.2	Responden Kedua	310
4.5.3	Responden Ketiga	313
4.5.4	Responden Keempat	317
4.5.5	Responden Kelima	322
4.5.6	Responden Keenam	324
4.6	Kesimpulan	335

BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1	Pendahuluan	336
5.2	Kesimpulan	336
5.3	Saranan	342
5.3.1	Pihak Pemerintah / Penguasa	342
5.3.1.1	Penggubalan Undang-undang	343
5.3.1.2	Penguatkuasaan Undang-undang	343
5.3.1.3	Institusi Pendidikan	343
5.3.1.4	Peranan Media Massa Dan Elektronik	344
5.3.2	Individu	344
5.3.2.1	Penekanan Aspek Akidah	345

5.3.2.2	Memelihara Hubungan Dengan Allah S.W.T	345
5.3.2.3	Bersikap Tawaduk	346
5.3.2.4	Bertakwa Kepada Allah S.W.T	346
5.3.3	Masyarakat	347
5.3.3.1	Mempunyai Kesedaran	348
5.3.3.2	Bersikap Ambil Peduli	348
5.3.3.3	Memelihara Hubungan Dengan Masyarakat	348
5.3.3.4	Penggunaan Lisan atau Nasihat-Menasihati	349
5.4	Sumbangan Kajian	350
5.5	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	351
5.6	Penutup	352
	BIBLIOGRAFI	353
	LAMPIRAN	372

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 4.1 Senarai Taburan Ayat-ayat Berkaitan Penjagaan Alam Sekitar	177
Jadual 4.2 Senarai Tema-tema Ayat-ayat Penjagaan Alam Sekitar Menurut Al-Quran	332

SENARAI SINGKATAN

a.s	: <i>‘Alaih al-Salām</i>
SAW	: <i>Salla Allāh ‘Alaih wa Sallām</i>
JAS	: Jabatan Alam Sekitar
NGO	: Non-Govermental Organization
SAM	: Sahabat Alam Malaysia
h.	: Halaman
M.	: Masehi
Jil.	: Jilid
Vol.	: Volume
t.t	: Tanpa Tahun
t.t.t	: Tanpa Tempat Terbitan
m	: Meninggal
w	: wafat
No.	: Nombor
SWT	: <i>Subḥānahu wa Ta’ālā</i>
UTHM	: Universiti Tun Hussein Onn
r.a	: <i>Raḍīya Allāh ‘anh</i>
terj.	: Terjemahan
SPRM	: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
APMM	: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
PGA	: Pasukan Gerakan Awam
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Soalan Temu bual	369
Surat Permohonan Untuk Mengadakan Temu bual	370

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Malaysia¹. Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	Raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sy	شمس	syams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qādī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmār
ن	n	نوم	nawm
و	w	هبط	habaṭa
ه	h	وصل	waṣl
ي	y	يسار	yasār

¹ Hajah Noresah Baharom, B.Sc. (Um), M.A. (Birmingham) (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2. VOKAL

1. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	a	فعل	fa‘ala
اِ	i	حسب	ḥasiba
اُ	u	كتب	kutiba

2. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Contoh Tranliterasi
اَ/يَ	ā	كاتب, قاضي	kātib, qaḍā
يَ	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	ḥurūf

3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
او	aw	قول	qawl
اي	ay	سيف	sayf
اي	ī	رجعي	raj‘ī atau raj‘iyy
او	uww	عدو	‘aduww atau ‘adū

ANALISIS TEMATIK TAFSIRAN AYAT AL-QURAN BERKAITAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR

ABSTRAK

Isu alam sekitar pada masa kini amat berkait rapat dengan kehidupan manusia. Isu-isu seperti pencemaran air dan udara serta hakisan tanah perlu dipandang serius kerana kesan yang wujud bukan hanya melibatkan generasi sekarang tetapi juga generasi pada masa hadapan. Diskusi yang melibatkan isu alam sekitar ini kerap dibincangkan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sebagai khalifah di muka bumi, manusia perlu untuk menjaga alam sekitar ini kerana itu amanah yang diberikan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, seseorang itu mesti menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan dan panduan bagi menangani segala isu termasuklah isu alam sekitar. Kajian ini bertujuan mengkaji ayat-ayat al-Quran yang berkaitan penjagaan alam sekitar. Objektif pertama ialah mengenalpasti ayat-ayat al-Quran berkaitan penjagaan alam sekitar. Seterusnya objektif kedua ialah menganalisis bagaimana al-Quran menerangkan cara-cara penjagaan alam sekitar dan objektif ketiga ialah membahaskan perbezaan antara tafsir klasik dan moden dalam penafsiran ayat-ayat berkaitan penjagaan alam sekitar yang dipilih. Objektif terakhir ialah menghuraikan perkaitan ayat-ayat yang diteliti dengan isu-isu alam sekitar dalam Malaysia. Untuk mencapai kesemua objektif ini, kajian kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah kepustakaan secara umum dan

tafsir *al-Mawḍū'īy* secara khusus serta temu bual tidak berstruktur dilaksanakan. Kaedah-kaedah kajian ini bertujuan untuk mengumpul data berkaitan ayat-ayat penjagaan alam sekitar dan isu-isu alam sekitar di Malaysia. Hasilnya, terdapat 16 ayat dalam al-Quran dikenalpasti menjurus kepada aspek penjagaan alam sekitar. Seterusnya, analisis data dalam kajian ini telah menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Ayat-ayat al-Quran terpilih telah dianalisis berdasarkan dua tafsir utama iaitu *Tafsīr Ibn Kathīr* dan *Tafsīr al-Miṣbah* disamping beberapa tafsir yang lain serta dikaitkan dengan isu-isu alam sekitar di Malaysia. Hasil kajian mendapati, terdapat ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan aspek penjagaan alam sekitar secara langsung dan tidak langsung. Selain itu, kewujudan isu-isu alam sekitar di Malaysia ini amat berkaitan dengan apa yang disebut dalam ayat-ayat al-Quran. Isu-isu ini berpunca daripada manusia yang tidak mengambil pengajaran daripada ayat-ayat al-Quran.

A THEMATIC ANALYSIS OF THE COMMENTARIES ON QURANIC VERSES ON PROTECTING THE ENVIRONMENT

ABSTRACT

Environmental issues nowadays are closely related to human life. Issues such as air and water pollutions and soil erosion should be taken seriously because the potential impact involves not only the present generation but also future generations. Discussions involving environmental issues are often discussed either at national or international level. As khalifah of the earth, humans need to protect the environment because it is a trust given by Allah SWT. Therefore, one must make the Quran as a source of reference and guidance for addressing all issues including environmental issues. This study aims to examine the verses of the Quran related to protecting the environment. The first objective is to identify the verses of the Quran related to protecting the environment. The second objective is to analyze how the Quran describes ways and means to protect the environment and the third objective is to deliberate the differences between classic and modern exegeses in interpreting the selected verses related to protecting the environment. The final objective is to describe the relevance of the verses studied with the environmental issues in Malaysia. To achieve all these objectives, qualitative research method with library research method is applied in general and the exegesis of al-Mawḍū'iy (thematic) is applied specifically as well as unstructured interviews were conducted. The methods in this study aim to collect data related to protecting the environment and the various environmental issues in Malaysia. As a result, there are 16 verses in the Quran identified that pinpoints toward protecting the environment. Next,

the data analysis in this study adopted the methods of inductive and deductive. The verses of the Quran selected were analyzed using two main exegeses of Tafsīr Ibn Kathīr and Tafsīr al-Miṣbah and several other exegeses as well as association with the environmental issues in Malaysia. The study found that there are verses of the Quran relating to protecting the environment aspects directly and indirectly. Moreover, the existence of environmental issues in Malaysia is very much related to what is mentioned in the verses of the Quran. These issues arise from people who do not take lessons from the verses of the Quran.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk mengkaji ayat-ayat berhubung penjagaan alam sekitar yang terdapat dalam al-Quran.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan penjagaan alam sekitar. Seterusnya, kajian ini berhasrat untuk melihat perkaitan ayat-ayat ini dengan isu-isu penjagaan alam sekitar. Kemudiannya, kajian juga akan menganalisis bagaimana al-Quran menerangkan cara-cara penjagaan alam sekitar berdasarkan tafsir al-Quran klasik dan moden. Penganalisan terhadap ayat-ayat ini bertujuan merumuskan huraian-huraian daripada tafsir al-Quran dalam konteks menjaga alam sekitar.

Bab pengenalan ini akan memperkenalkan kajian dengan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Seterusnya bab pengenalan juga akan membincangkan definisi operasional, skop dan batasan kajian serta kepentingan kajian ini. Metodologi pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini melibatkan kajian perpustakaan manakala metodologi dalam penganalisan data melibatkan analisis kandungan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu alam sekitar merupakan salah satu isu yang sering menjadi topik perbincangan hangat sama ada diperingkat kebangsaan ataupun global. Terdapat pelbagai isu yang timbul apabila memperkatakan mengenai alam sekitar. Antaranya termasuklah sebab-sebab terjadi pencemaran alam sekitar dan cara-cara mengatasinya. Pencemaran alam sekitar yang berlaku sekarang ini melibatkan setiap pelusuk dunia sama ada daripada sekecil-kecil perkampungan sehinggalah sebesar-besar perbandaran. Pelbagai laporan penyelidikan berkaitan keadaan pencemaran alam sekitar yang membimbangkan dilaporkan. Kesan daripada masalah pencemaran alam sekitar ini dapat dirasai apabila pada pertengahan tahun 2010 terjadinya pertambahan suhu dunia secara mendadak kerana penipisan lapisan ozon bumi. Peningkatan suhu dunia ini telah meningkat sebanyak dua darjah dan telah menyebabkan banyak negara mengalami kepanasan yang melampau dan ia juga turut dirasai oleh Malaysia¹.

Istilah alam sekitar merupakan istilah digunakan oleh manusia dalam menggambarkan keadaan yang wujud di dunia. Perkataan alam sekitar atau 'environment' dalam bahasa Inggerisnya membawa maksud keadaan sekeliling atau lingkungan. Berdasarkan kepada terjemahan secara literal, maka perkataan 'alam sekitar' merujuk kepada apa sahaja yang melingkungi dan mengelilingi manusia. Namun begitu, istilah alam sekitar secara saintifiknya merujuk kepada fenomena fizikal sama ada biotik (komponen yang hidup) atau abiotik (komponen yang tidak

¹ <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/7862/1/Pemanasan%20global.pdf> diakses pada 17 April 2011.

hidup) yang melingkungi sesuatu organisma. Fenomena fizikal ini termasuklah juga fenomena yang berkait dengan iklim dan cuaca².

Perbincangan mengenai isu alam sekitar juga banyak dibincangkan di Malaysia. Terdapat pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam menjaga alam sekitar di negara ini. Antaranya termasuklah penjagaan sungai, udara dan tumbuhan. Contohnya penjagaan sungai merangkumi penggantian sumber, perubahan dalam cara penggunaan dan memberi perhatian kepada faktor yang tidak nyata (intangible factor) seperti nilai keselesaan dan nilai warisan³. Selain itu, penjagaan udara juga dilaksanakan melalui Pelan Tindakan Udara Bersih RMK-9 yang disediakan untuk meningkatkan kualiti udara khususnya di kawasan bandar⁴.

Penjagaan alam sekitar juga dititikberatkan dalam Islam. Ini berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang menyeru manusia untuk menjaga alam sekitar. Tambahan pula manusia dicipta dengan salah satu elemen alam iaitu tanah. Walaupun begitu, ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran ini tidak menyebut secara jelas cara-cara untuk menjaga alam sekitar. Contohnya firman Allah dalam *Sūrah Hūd*, ayat 61 yang bermaksud:

Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Dia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya.

² Mohd Zuhdi Marsuki & Amir Saifude Ghazali (2002). *Etika Alam Sekitar Daripada Perspektif Islam, Timur & Barat*, h. 20.

³ Rohasliney Hashim (2010). *Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar Di Malaysia* (edi. Haliza Abdul Rahman & Rohasliney Hashim), h. 6.

⁴ *Ibid*, h. 146.

Terdapat istilah-istilah tertentu dalam al-Quran yang membawa maksud penjagaan. Contoh istilah-istilah tersebut ialah *ḥarīsun*, *ḥifẓan*, *iḥsān*, *walā tufsidūn*, *ḥaraṣān* dan *wastī‘marakum*. Selain itu, al-Quran juga telah banyak menyentuh mengenai kerosakan dan pencemaran alam yang dikaitkan dengan perbuatan manusia. Antaranya dalam surah al-Rūm ayat 41 yang bermaksud:

Telah berlaku kerosakan di darat dan di laut kesan daripada perbuatan manusia, demikian (supaya Allah) merasakan kepada mereka terhadap (kerosakan) yang mereka lakukan, semoga mereka kembali bertaubat.

1.3 Pernyataan Masalah

Perbincangan mengenai alam sekitar banyak dibincangkan sama ada melalui media massa dan juga media cetak. Selain itu, terdapat pelbagai perbahasan dan perbincangan mengenai alam sekitar melewati pelbagai perspektif yang merangkumi aspek teoritikal dan juga praktikal. Kewujudan krisis alam sekitar yang melanda dunia pada hari ini sebenarnya telah wujud pada abad ke-18 lagi. Kewujudan krisis ini adalah hasil daripada tercetusnya Revolusi Industri yang berlaku di Eropah. Revolusi ini yang bermula khususnya di England adalah satu perubahan ke arah mengeluarkan secara besar-besaran barangan keperluan manusia⁵. Aktiviti-aktiviti perindustrian ini telah menyebabkan berlakunya pengeksploitasian sumber alam secara besar-besaran dan seterusnya membawa kepada krisis alam sekitar yang serius. Kesedaran secara langsung tentang krisis alam sekitar ini wujud apabila terbitnya sebuah buku iaitu *Silent Spring* pada tahun 1962. Buku ini dihasilkan oleh Rachel Carson yang juga merupakan seorang saintis. Ia telah berjaya menyedarkan

⁵ Mohd Zuhdi Marsuki & Amir Saifude Ghazali (2002). *Etika Alam Sekitar Daripada Perspektif Islam, Timur & Barat*. Bentong : PTS Publications, h. 2.

masyarakat dunia berhubung dengan krisis alam sekitar yang semakin meruncing ketika itu⁶.

Isu alam sekitar ini turut dibincangkan oleh para sarjana Muslim. Antaranya ialah Ibrahim Abdul Matin yang membincangkan langkah-langkah yang digariskan oleh agama dalam kehidupan seharian untuk memakmurkan bumi disamping beliau menghuraikan peranan Muslim sebagai pengurus dan hamba Allah SWT⁷. Selain itu, Mawil Izzi Dien turut membincangkan berkenaan alam sekitar menurut Islam dengan mengenengahkan aspek dimensi persekitaran dalam Islam. Beliau juga turut membincangkan tentang peranan dan tujuan penciptaan manusia serta menghuraikan berkenaan etika alam sekitar menurut perspektif Islam. Mawil Izzi Dien turut membincangkan alam sekitar dari perspektif undang-undang Islam⁸. Seyyed Hossein Nasr juga tidak terkecuali dalam membincangkan berkenaan krisis alam sekitar menurut Islam. Menurut beliau Islam telah menekankan konsep khalifah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh Allah SWT. Namun begitu, permasalahan yang timbul ialah apabila umat Islam pada masa kini lebih merujuk konsep yang telah dibawa oleh Barat dalam menangani permasalahan alam sekitar yang kebanyakannya hanya berpandukan kepada akal semata-mata tanpa wujud bimbingan wahyu yang mengandungi cara-cara ke arah keharmonian dalam kehidupan khususnya terhadap alam sekitar⁹.

⁶ *Ibid*, h. 4.

⁷ Ibrahim Abdul Matin (2010). *Green Deen: What Islam Teaches About Protecting The Planet*. San Francisco: Koehler Publishers.

⁸ Mawil Izzi Dien (2000). *The Environmental Dimensions Of Islam*. Cambridge: The Lutterworth.

⁹ Seyyed Hossein Nasr (1990). "Islam and the Environmental Crisis", *MASS Journal of Islamic Science*. July-Dec, Vol. 6, No. 2.

Tambahan pula kebelakangan ini aspek penjagaan alam sekitar semakin menjadi agenda utama dalam kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Kesedaran ini timbul apabila telah banyak terjadinya malapetaka syang banyak mengorbankan nyawa dan harta benda manusia. Bermula daripada penggodolan hutan, pencemaran sungai dan pelepasan asap di udara menyebabkan wujud perasaan takut masyarakat akan nasib mereka pada masa hadapan¹⁰. Perbuatan manusia yang tidak bersahabat dan tidak bertanggungjawab dengan alam akan menimbulkan malapetaka bukan sahaja dengan manusia tetapi juga dengan makhluk-makhluk yang lain¹¹. Oleh itu aspek penjagaan alam sekitar ini tidak seharusnya dipandang remeh dan memerlukan kerjasama semua pihak untuk menjayakannya.

Namun begitu, jika dilihat kembali, kebanyakan langkah-langkah penjagaan alam sekitar tidak dikaitkan bersama hubungan manusia dengan pencipta-Nya. Kempen-kempen yang dilaksanakan tidak dikaitkan dengan landasan agama yang menekankan tiga aspek penting iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Ini dapat dilihat apabila terdapat penganjuran program dan kempen yang menjurus kepada penjagaan adalah semata-mata berbentuk hiburan seperti konsert dan sebagainya.

Hiburan yang diadakan bukan sahaja tidak mampu meninggalkan kesan mendalam kepada masyarakat terhadap peri pentingnya menjaga alam sekitar kepada masyarakat, malahan dapat membiakkan lagi gejala sosial dalam kalangan masyarakat. Antara kempen yang dilaksanakan dengan menjadikan konsert sebagai wadah untuk menjaga alam sekitar ialah konsert yang dianjurkan oleh SuriaFM's

¹⁰ Norhibah Hasan Zawawi (1999), *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*, h. ix.

¹¹ Mikdar Rusdi (2010). *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif al-Quran*, h. xii.

Green Everyday 2007¹². Konsert ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan alam sekitar. Walaupun konsert ini mempunyai matlamat yang murni iaitu ke arah memberi kesedaran kepada masyarakat kepada kepentingan alam sekitar, akan tetapi perlulah dilaksanakan dengan cara yang betul daan bukan sekadar hiburan semata-mata. Selain itu juga, kempen *Earth Hour* yang diadakan setiap 26 Mac merupakan salah satu langkah untuk menjaga alam sekitar kerana pemanasan global yang melampau akibat penggunaan elektrik¹³. Namun begitu, kempen yang disertai 50 juta masyarakat di 35 buah negara seluruh dunia ini hanyalah sekadar sebagai satu kempen yang menjadi keseronokan sahaja tanpa diiringi dengan kesedaran yang perlu wujud panduan agama untuk merealisasikan.

Jika disorot kembali secara umum langkah-langkah seperti kempen-kempen dilaksanakan untuk menjaga alam sekitar, terdapat sedikit sahaja kebaikan yang terhasil berbanding kemusnahan yang berlaku. Negara Malaysia juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah pencemaran alam sekitar ini. Antaranya termasuklah pencemaran udara dan juga air. Berdasarkan laporan tahunan yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2011, status kualiti udara pada tahun 2011 secara keseluruhannya mencatatkan kemerosotan berbanding tahun 2010. Manakala pada tahun 2010, peratusan bilangan hari udara bersih mencatatkan 62.8 peratus dan menurun kepada 55.31 peratus pada tahun 2011. Penurunan kualiti udara ini antaranya adalah disebabkan oleh pencemaran jerebu¹⁴. Seterusnya sebanyak 3,177 kes pembakaran terbuka telah dikesan pada tahun 2011 dan ini merupakan salah satu

¹²http://mstar.com.my/hiburan/cerita.asp?file=/2007/7/3/HIBURAN/m_Aduh/Noryn_Aziz_peka_tentang_alam_sekitar&sec=mstar_hiburan diakses pada 14 April 2011.

¹³ <http://www.bharian.com.my/articles/BergelapsejamtandasokongKempenEarthHour/Article/> diakses pada 14 April 2011.

¹⁴ Jabatan Alam Sekitar (2011). *Laporan Tahunan 2011*, h. 41.

punca yang membawa kepada jerebu. Pembakaran ini hasil daripada kawasan pertanian, belukar, hutan dan ladang¹⁵. Selain itu, pencemaran marin atau laut mencatatkan turut sejumlah 14 kes aduan tumpahan minyak yang diterima termasuklah di Selat Melaka, Laut China Selatan dan Selat Johor. Tumpahan minyak ini berpunca daripada pelantar minyak, kapal, kilang dan punca yang tidak diketahui¹⁶. Pada tahun 2011 juga, sebanyak 6047 aduan daripada masyarakat direkodkan oleh JAS berkaitan pencemaran alam sekitar di negara ini¹⁷.

Antara punca terjadi perkara sebegini kerana manusia tidak menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai pedoman dalam kehidupan di muka bumi. Sedangkan al-Quran telah menerangkan bahawa fungsi manusia dicipta di dunia ialah untuk menjadi khalifah yang perlu mentadbir dan menjaga alam. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 30.

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata), Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?. Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.

Ayat di atas jelas membuktikan peranan manusia yang diberi amanah oleh Allah SWT dalam menjadi khalifah di bumi Allah SWT. Ini termasuklah dalam melaksanakan amanah untuk menjaga alam sekitar yang menjadi salah satu elemen penting dalam memberi kehidupan sama ada haiwan, tumbuhan atau manusia itu sendiri. Menurut Mawil Izzi Dien dalam membahaskan

¹⁵ *Ibid*, h. 106.

¹⁶ *Ibid*, h. 101.

¹⁷ *Ibid*, h. 118.

konsep alam sekitar dalam al-Quran, beliau menghuraikan bahawa alam sekitar merujuk kepada perkataan *ma'āyish* (tinggal). Istilah ini merujuk kepada persekitaran yang menjadi tempat tinggal yang mempunyai makanan dan mempunyai binatang serta tumbuh-tumbuhan. Ketiga-tiga elemen ini saling bersangkutan paut dan saling mempunyai perkaitan dalam kehidupan. Beliau juga menerangkan bahawa Allah mencipta alam sekitar atau bumi ini untuk manusia bersyukur kepada Allah SWT¹⁸. Ini membuktikan bahawa kepentingan alam sekitar kepada manusia khususnya dan juga kepada makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain.

Jika berdasarkan gambaran awal yang dilihat secara sepintas lalu, dapat disimpulkan bahawa al-Quran ada menerangkan mengenai alam sekitar. Namun begitu, huraianya tidak secara khusus kepada penjagaan alam sekitar. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mendokumentasikan ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan penjagaan alam sekitar. Melaluinya pengkaji akan menganalisis melalui tafsir moden klasik dan moden dalam menjelaskan ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan penjagaan alam sekitar.

1.4 Kajian Lepas Dan Sorotan Karya

Bahagian ini bertujuan untuk melihat hasil kajian dan sorotan karya berkaitan yang dilakukan. Seterusnya, melalui penelitian kajian dan sorotan karya terdahulu, pengkaji akan menganalisis dan melihat lompong kajian.

¹⁸ Mawil Izzi Dien (2000). *The Environmental Dimensions Of Islam*, h.24.

Berdasarkan kepada sorotan yang dijalankan, terdapat beberapa kajian lepas mengenai perspektif alam sekitar telah dilakukan. Kajian-kajian ini telah membincangkan pelbagai aspek yang terdapat dalam al-Quran.

Kajian Nor Aishah Abdullah (2007) membincangkan pandangan Islam terhadap pendekatan kontemporari dalam isu persekitaran. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan beberapa prinsip Islam terhadap alam dan juga untuk menghuraikan pendekatan kontemporari terhadap penjagaan alam sekitar melalui sudut sejarah. Kajian ini berpendapat usaha-usaha untuk menjaga alam ini perlu dilipat gandakan untuk menyelesaikan krisis-krisis alam sekitar ini. Selain itu, perbincangan juga melibatkan para pemikir yang terdiri daripada pelbagai bidang ilmu merangkumi ekonomi, sosial dan sebagainya. Seterusnya kajian ini juga turut membincangkan pandangan terhadap alam sekitar dari sudut falsafah dengan melihat pandangan-pandangan daripada para sarjana Muslim. Antaranya termasuklah Seyyed Hossein Nasr, Ziauddin Sardar dan S. Parvez Manzoor. Pandangan-pandangan mereka merangkumi sebab-sebab utama kemusnahan dan saranan-saranan untuk menangani masalah-masalah alam sekitar. Kajian ini mampu memberi gambaran kepada masyarakat untuk bertindak dengan sewajarnya dalam memastikan kehidupan yang lebih sempurna dan sejahtera¹⁹. Dapat dirumuskan bahawa kajian ini membincangkan berkenaan pandangan Islam terhadap langkah-langkah penjagaan alam sekitar menurut Islam. Walaupun terdapat perbincangan yang berdasarkan pemikiran beberapa tokoh pemikir Islam, namun terdapat lompang yang boleh diisi untuk dilakukan kajian berkenaan penjagaan alam sekitar dengan melihat sudut perbahasan menurut ulama tafsir klasik dan ulama tafsir kontemporari.

¹⁹ Nor Aishah Abdullah (2007), *Islamic Views Towards Contemporary Approach on Environmental Issues*, Universiti Malaya.

Kajian Zahari Mahad Musa (2010) pula memfokuskan kepada *Fiqh al-Bi'ah* yang membincangkan prinsip interaksi manusia dengan alam persekitaran. Ini kerana *Fiqh al-Bi'ah* merupakan salah satu cabang yang terdapat dalam undang-undang Islam. Terdapat keperluan untuk menangani permasalahan alam sekitar ini dan *Fiqh al-Bi'ah* merupakan salah satu aspek yang dapat membantu untuk menangani permasalahan alam sekitar ini dengan menggalakkan pertumbuhan masyarakat dalam persekitaran yang lebih bersih dan terpelihara. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan prinsip-prinsip Syariah mengenai hubungan manusia dengan alam sekitar berdasarkan teks-teks perundangan Islam sama ada dari al-Quran mahupun al-Sunnah. Kajian ini juga memfokuskan kepada perbincangan peranan manusia terhadap alam sekitar. Selain itu, terdapat juga perbincangan berkenaan dengan fungsi akal fikiran yang mendorong manusia itu menjadi pentadbir alam dan bukan sebaliknya. Kajian *Fiqh al-Bi'ah* ini memperlihatkan tentang keindahan dan keistimewaan Islam dalam menangani isu-isu negatif alam sekitar²⁰. Secara rumusannya, kajian ini membincangkan penjagaan alam sekitar dari perspektif Syariah namun tidak wujud perbincangan dari perspektif tafsir al-Quran.

Kajian Noor Shakirah Mat Akhir (2004) memfokuskan kepada rohani manusia dan alam sekitar dari perspektif Islam. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa elemen penting berkenaan dengan keperluan keseimbangan rohani manusia untuk menguruskan alam sekitar. Antaranya ialah seseorang itu harus menyedari bahawa penciptaannya di dunia ini sebagai seorang khalifah yang memerlukan pelaksanaan tanggungjawab untuk mentadbir alam ini. Seterusnya, alam

²⁰ Zahari Mahad Musa (2008). *Fiqh Al-Bi'ah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekitaran yang Lestari*. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari.

ini khususnya sumber-sumber asli merupakan salah satu rahmat buat manusia untuk manusia mengakui kewujudan dan keesaan Allah SWT. Rohani individu perlulah disertakan dengan keimanan dalam menguruskan alam ini. Melalui keimanan ini, ia akan membimbing manusia untuk melahirkan akhlak yang positif seterusnya memberi manfaat kepada alam sekitar itu sendiri. Selain itu, dalam menguruskan alam sekitar, akal diperlukan untuk seseorang itu menilai baik atau buruk dalam sesuatu tidakan itu. Ini kerana akal memungkinkan manusia untuk menerima ilmu. Dalam menguruskan alam sekitar, seseorang itu haruslah sentiasa melakukan *tazkiyah al-nafs* iaitu sentiasa menyucikan rohaninya daripada sifat *mazmumah* (sifat terkeji). Selain itu, setiap aktiviti pembangunan haruslah mengambil kira konsep *al-Mizān*. Konsep ini merupakan konsep yang mengambil kira hubungan antara setiap unsur dan juga hubungan sesama makhluk. Namun begitu, sifat *mahmudah* (sifat terpuji) yang paling penting dalam menguruskan alam sekitar ini ialah sifat sabar kerana sifat ini adalah satu sifat yang dapat mengelakkan eksploitasi ke atas sumber alam secara tidak terkawal²¹. Secara rumusannya, kajian ini memfokuskan kepada rohani manusia dan alam sekitar dari perspektif Islam namun tidak membincangkan isu-isu penjagaan alam sekitar menurut al-Quran.

Selain itu, kajian Abu Bakar Yang (2005) adalah berkenaan dengan pendidikan alam sekitar di Malaysia dari perspektif Islam. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghuraikan beberapa perkara berkaitan dengan alam sekitar dari pandangan Islam. Antaranya termasuklah aktiviti menjaga alam sekitar ini merupakan salah satu ibadah kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, ibadah ini mencakupi usaha-usaha seperti aktiviti pertanian, perindustrian, memperbaiki taraf hidup serta

²¹ Noor Shakirah Mat Akhir (2004). *Rohani Manusia dan Alam Sekitar dari Perspektif Islam*. Jurnal IKIM, Vol 12. No.2. Julai/Disember. Jabatan Perdana Menteri: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

menghindarkan diri dan bumi daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Seterusnya, manusia itu merupakan khalifah yang perlu menjalankan amanah yang diberikan oleh Allah kepadanya. Namun begitu, amanah ini perlulah disertai dengan akhlak agar alam sekitar ini sentiasa diurus dengan baik. Dengan melakukan kebaikan terhadap alam sekitar yang menjadi elemen utama alam ini adalah sebahagian daripada tuntutan untuk menjadi hamba yang bertakwa dan diredhai Allah. Terdapat pelbagai perintah Allah supaya manusia memberi perhatian dan berbuat baik kepada alam sekitar berserta dengan seluruh unsur yang dikandungnya. Antaranya termasuklah berbuat baik kepada sesama manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, air, udara dan tanah²². Kajian ini telah membincangkan berkenaan dengan pendidikan yang diterapkan oleh Islam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar, namun tidak terdapat perbincangan berkenaan alam sekitar dari perspektif pemikiran tafsir moden dan klasik.

Kajian Noor Shakirah Mat Akhir (2007) bertajuk *Pembinaan Rangka Konsep Pemuliharaan Alam Sekitar Dari Perspektif Abū Ḥamīd al-Ghazālī*. Kajian ini membincangkan teori *al-Ghazālī* berkenaan aspek kerohanian manusia dan kaitannya dengan pemuliharaan alam sekitar. Antaranya ialah kaitan dan kesan keimanan seseorang terhadap alam sekitar. Selain itu, penciptaan makhluk-makhluk lain juga merupakan pembuktian tentang kewujudan dan kekuasaan-Nya. Manusia yang mampu mengurus dan mematuhi kesedaran rohani terhadap alam ini merupakan manusia yang berpeluang mendapat ganjaran baik daripada Allah SWT. Selain itu, golongan ini tahu untuk menghargai dan mensyukuri nikmat daripada Allah.

²² Abu Bakar Yang (2005). *Pendidikan Alam Sekitar di Malaysia dari Perspektif Islam*. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Pemuliharaan Alam Sekitar.

Golongan ini juga akan sentiasa memohon rahmat daripada Allah dan sentiasa mempunyai kesedaran tentang nikmat kurniaan alam ini kepada mereka seterusnya menguruskan alam ini dengan cara yang betul. Selain itu juga, manusia yang menyalahgunakan sumber alam ini ialah tanda manusia yang tidak mensyukuri nikmat yang Allah berikan. Melalui kesedaran rohani berdasarkan keimanan kepada Allah SWT, seseorang manusia itu akan menggunakan alam ini dengan sewajarnya dan mencegahnya dari berlaku penyalahgunaan sumber alam, pembaziran, sifat tamak, penganiayaan dan juga kemusnahan. Teori *al-nafs* dan lain-lain aspek yang berkaitan dengannya oleh *al-Ghazālī* adalah sangat relevan dan sesuai untuk digunakan dalam rangka kerja untuk memulihara alam sekitar jika ia diteliti dari aspek kerohanian²³. Kesimpulannya, kajian ini membincangkan teori *al-Ghazālī* berkenaan aspek kerohanian manusia dan kaitannya dengan pemuliharaan alam sekitar tetapi tidak menghuraikan berkenaan isu-isu penjagaan alam sekitar menurut al-Quran secara khusus.

Selain itu, terdapat satu kajian lain yang dijalankan oleh Noor Shakirah Mat Akhir (2011). Kajian ini membincangkan berkenaan dengan alam sekitar dan peranan manusia dari perspektif pelbagai agama seperti Islam, Buddha, Kristian dan Hindu. Kajian ini juga bertujuan untuk mendokumentasikan ajaran pelbagai agama berkaitan alam sekitar serta penafsirannya dan menerangkan kaitannya dengan permasalahan alam sekitar masa kini²⁴. Secara umumnya kajian ini menghuraikan peranan yang dimiliki oleh manusia terhadap alam sekitar berdasarkan pandangan beberapa agama-agama besar dunia. Namun kajian ini akan menumpukan penafsiran

²³ Kajian Noor Shakirah Mat Akhir (2007) "*Pembinaan Rangka Konsep Pemuliharaan Alam Sekitar Dari Perspektif Abu Hamid al-Ghazali*", Geran penyelidikan FRGS.

²⁴ Kajian Noor Shakirah Mat Akhir (2011). *Alam Sekitar dan Peranan Manusia: Kajian dari Perspektif Pelbagai Agama*, Geran Penyelidikan RU.

ayat-ayat penjagaan alam sekitar dalam al-Quran secara khusus berdasarkan kitab tafsir.

Di samping itu, karya Mikdar Rusdi telah membincangkan tentang pelbagai unsur alam sekitar dan kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan menurut al-Quran. Namun buku ini tidak memberi fokus kepada isu-isu semasa dan tidak membuat perbandingan secara khusus antara kitab-kitab tafsir terutamanya *Tafsīr Ibn Kathīr* dan *Tafsīr al-Miṣbah* dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran berkaitan²⁵.

Artikel Noor Shakirah Mat Akhir dan Muhammad Azizan Sabjan pula membincangkan aspek spiritual dalam elemen-elemen alam sekitar yang disebut dalam kitab al-Quran. Walaupun artikel ini membincangkan aspek alam sekitar dan kaitannya dengan aspek spiritual dalam al-Quran, tetapi tidak dihuraikan perbincangannya dengan menyeluruh berdasarkan kitab-kitab tafsir²⁶.

Seterusnya, karya Mawil Izzi Dien (2000) adalah berkenaan dengan dimensi persekitaran dalam Islam. Penulis telah menghuraikan bahawa terdapat beberapa komponen persekitaran dalam Islam. Komponen ini termasuklah air, bumi dan kepelbagaian hidupan. Karya ini juga membincangkan tentang peranan dan tujuan penciptaan manusia oleh Allah SWT iaitu bertanggungjawab sebagai pemegang amanah. Selain itu, penulis juga menghuraikan berkenaan dengan etika alam sekitar menurut perspektif Islam. Beliau juga membincangkan tentang konsep *hurma* iaitu

²⁵ Mikdar Rusdi (2010). *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif al-Quran*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

²⁶ Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan (2011). *The Elements of Environments: An Analysis From The Spiritual Perspectives*. Malaysian Journal of Environmental Managements. Bil. 12, h. 39-45.

aspek kesucian pada segala ciptaan Allah. Dalam penulisan ini juga terdapat cadangan bahawa sistem pentadbiran berteraskan Islam iaitu *Hisba* dan ‘*Ūrf*’ boleh menjadi mekanisme berguna dalam melaksanakan etika alam sekitar secara praktikal. Seterusnya, karya ini juga membincangkan alam sekitar dari perspektif undang-undang Islam. Perbincangan ini termasuklah aspek pengurusan alam sekitar yang tidak perlu untuk mengasingkan antara etika dengan undang-undang²⁷.

Selain itu, Ibrahim Abdul Matin (2010) menulis dalam karyanya mengenai perkara yang diajar oleh Islam untuk memakmurkan bumi ini. Penulisan ini tertumpu kepada langkah-langkah digariskan oleh agama dalam kehidupan harian yang perlu dilaksanakan oleh Muslim Amerika untuk memakmurkan bumi ini. Beliau juga menekankan bahawa penciptaan manusia di alam ini adalah untuk manusia itu mempertahankan sedaya upaya dalam menjaga dan menguruskannya kerana ia adalah anugerah Allah SWT. Karya beliau juga menghuraikan peranan seseorang Muslim itu sebagai seorang pengurus alam dan juga sebagai seorang hamba Allah SWT. Buku ini juga menggalakkan semua orang termasuk penganut agama-agama lain turut serta untuk memahami bahawa mengambil berat ke atas alam ini adalah tugas-tugas keagamaan. Buku ini juga menghuraikan usaha merapatkan jurang antara keagamaan dengan alam sekitar²⁸.

Berdasarkan kepada perbincangan kajian-kajian lepas dan sorotan karya setakat ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa kajian mengenai ayat-ayat al-Quran yang berkaitan alam sekitar. Namun kajian secara khusus berkaitan ayat-

²⁷ Mawil Izzi Dien (2000). *The Environmental Dimensions Of Islam*. Cambridge: The Lutterworth.

²⁸ Ibrahim Abdul Matin (2010). *Green Deen: What Islam Teaches About Protecting The Planet*. San Francisco: Koehler Publishers.

ayat penjagaan alam sekitar menurut kitab tafsir secara perbandingan serta dikaitkan dengan isu alam sekitar di Malaysia belum lagi ditemukan.

1.5 Objektif Kajian

1. Membahaskan konsep alam sekitar menurut al-Quran.
2. Mengenalpasti dan menganalisis berdasarkan kaedah *Tafsīr Mawḍū'iy* ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan penjagaan alam sekitar.
3. Mengkaji penafsiran ayat-ayat al-Quran berkaitan penjagaan alam sekitar berdasarkan tafsir klasik dan moden serta perkaitannya dengan isu-isu alam sekitar yang berlaku di Malaysia.

1.6 Persoalan Kajian:

1. Adakah terdapat ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan penjagaan alam sekitar?
2. Bagaimanakah huraian tafsir al-Quran klasik dan moden terhadap ayat-ayat penjagaan alam sekitar?
3. Adakah terdapat perbezaan ketara perbahasan tafsir klasik dan moden dalam penafsiran ayat-ayat berkaitan penjagaan alam sekitar yang dipilih?
4. Bagaimanakah perkaitan huraian tafsir al-Quran berkenaan ayat-ayat penjagaan alam sekitar dengan isu-isu alam sekitar pada masa kini?

1.7 Definisi Operasional

1.7.1. Analisis Mauḍū'iy (Tematik)

Tema bermaksud subjek yang menjadi dasar sesuatu perbincangan, wacana, karangan, cerita dan sebagainya²⁹. Analisis tematik ialah pendekatan analisis berdasarkan atau bercirikan tema-tema tertentu. Dalam kajian ini analisis tematik

²⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka (1994). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, h. 1404.

merujuk kepada kaedah menganalisis ayat-ayat yang telah dikategorikan sebagai ayat-ayat penjagaan alam sekitar.

1.7.2 Ayat

Ayat membawa maksud satu perkataan atau (lebih kerap lagi) serangkai perkataan yang merupakan kesatuan yang membawa maksud. Ayat juga mempunyai makna sama dengan kalimat. Kalimat ini juga boleh merujuk kepada beberapa kalimat yang terdapat dalam al-Quran³⁰.

1.7.3 Penjagaan

Penjagaan didefinisikan sebagai hal atau perbuatan menjaga. Menjaga ditafsirkan sebagai mengawal atau mengawas³¹. Dalam kajian ini penjagaan merujuk kepada peranan manusia sebagai khalifah untuk memelihara dan memulihara alam sekitar menepati aspek fizikal dan spiritual.

1.7.4 Alam Sekitar

Perkataan “alam sekitar” atau dalam bahasa Inggeris disebut “environment” membawa maksud keadaan sekeliling atau lingkungan. Oleh itu, sekiranya berdasarkan kepada terjemahan literal, maka perkataan “alam sekitar” adalah merujuk kepada apa sahaja yang melingkungi manusia. Namun begitu, istilah alam sekitar secara khususnya adalah merujuk kepada fenomena fizikal. Fenomena fizikal

³⁰ *Ibid*, h.78.

³¹ *Ibid*, h. 507

ini termasuklah juga fenomena yang berkait dengan iklim dan cuaca³². Istilah alam sekitar juga dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-bī'ah* yang bermaksud lingkungan, persekitaran atau keliling³³. Istilah *al-bī'ah* bermaksud rumah sesuatu kaum yang terletak di suatu lembah. Selain itu ia juga boleh diertikan kelembutan sesuatu tempat kerana persekitaran yang elok³⁴. Persekitaran juga boleh didefinisikan sebagai lingkungan hidup manusia. Lingkungan ini terhasil melalui nilai-nilai kehidupan yang mempunyai sumber-sumber untuk kehidupan seperti makanan, pakaian, perubatan dan juga tempat tinggal. Seterusnya terdapat interaksi dan hubungan sesama manusia dalam lingkungan ini³⁵. Dalam kajian ini alam sekitar memberi maksud 'al-bī'ah' iaitu lingkungan, persekitaran atau keliling. Dengan erti kata lain ia merujuk kepada apa sahaja yang melingkungi manusia.

1.7.5 Al-Quran

Quran menurut kamus dewan ialah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk menjadi panduan hidup manusia di dunia dan akhirat³⁶.

1.8 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada ayat-ayat al-Quran yang menekankan penjagaan alam sekitar. Skop penelitian dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian.

³² Mohd Zuhdi Marsuki & Amir Saifude Ghazali (2002). *Etika Alam Sekitar Daripada Perspektif Islam, Timur & Barat*, h. 20.

³³ Mohd Khairi Zainuddin & et.al (2007). *Kamus al-Miftāḥ*. Jil. 1, h. 385.

³⁴ Ibn Manẓūr (t.t). *Lisān al-'Arāb*. Jil 1, h. 39.

³⁵ Yunus Ibrahim Ahmad Muzid (2009). *Al-Bi'ah Fī al-Islām*. (t.t.p): Darul al-Hamid, h. 31.

³⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka (1994). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, h.1081.

Penyelidikan ini akan memfokuskan kepada ayat-ayat al-Quran yang menjurus kepada penjagaan alam sekitar. Bahagian pertama adalah mengenalpasti dan menentukan ayat-ayat penjagaan alam sekitar yang terdapat dalam al-Quran. Ayat-ayat al-Quran ini akan dikumpulkan dengan merujuk kepada istilah ‘penjagaan’ dan juga istilah yang mempunyai maksud ‘penjagaan’ secara tidak langsung. Istilah-istilah ini seperti *walā tufsidūn*, *lā yuḥibbu*, *wala ta’saū*, *walā tattabi*, *walā tamshi*, *wala tabgi*, dan *wasta marakum*. Ayat-ayat yang dipilih ialah apabila istilah-istilah ini dinyatakan dalam konteks yang berkaitan dengan alam sekitar. Selain itu, semua terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam kajian ini menggunakan rujukan Tafsir Pimpinan al-Rahman.

Bahagian yang kedua pula ialah untuk menafsirkan ayat-ayat ini berdasarkan penafsiran klasik iaitu dengan merujuk *Tafsīr Ibn Kathīr*. Dari segi penafsiran moden pula dengan merujuk kepada *Tafsīr al-Miṣbah* hasil karya Muḥammad Quraish Shihāb.

Pemilihan *Tafsīr Ibn Kathīr* dalam kajian kerana tafsir ini merupakan antara tafsir yang sering digunakan. Ibn Kathīr merupakan salah seorang yang pakar dalam pelbagai lapangan ilmu agama. Ini termasuklah dalam bidang penafsiran al-Quran. Ini ditambah dengan gelaran al-Ḥafīz yang dimiliki oleh beliau dengan hafalan-hafalan ribuan teks hadis Nabi Muhammad SAW. Di samping itu juga beliau merupakan ilmuan Islam yang produktif dan unggul. Ini dapat dibuktikan melalui karya-karya yang dihasilkan oleh beliau termasuklah karyanya yang terkenal iaitu kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*³⁷.

³⁷ Ibn Kathīr, al-Ḥafīz Abī al-Fida’ Ismā‘īl (2011). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. (terj. M. Abdul Ghoffar E.M) Jil. 1, h. xi.

Fauzi Deraman memetik pandangan Ibn Hajar yang mengatakan bahawa Ibn Kathir merupakan ahli hadis yang faqih. Ini kerana karya-karya penulisan beliau tersebar luas di pelbagai negeri semasa hidupnya dan dimanfaatkan oleh orang ramai setelah beliau meninggal dunia³⁸. Beliau juga merupakan anak didik Ibn Taimiyyah (1263-1328M) yang juga merupakan seorang tokoh ilmuan Islam³⁹. Tafsir ini banyak digunakan dalam rujukan berkaitan al-Quran khususnya dalam bidang tafsir sehingga masa kini. Selain itu juga, *Tafsir Ibn Kathir* juga menentang periwayatan-periwayatan yang dipengaruhi oleh Israiliyat⁴⁰. Pemilihan *Tafsir Ibn Kathir* juga kerana tafsir kaedah *Tafsir bi al-Ma'thur* dalam kitab ini menjadi rujukan bagi hampir semua kitab tafsir yang ada dan dikaji oleh hampir semua umat Islam di seluruh dunia sehingga kini.

Seterusnya pemilihan *Tafsir al-Mishbah* dalam kajian ini kerana tafsir ini merupakan antara tafsir yang terkenal dan lengkap di Nusantara. Pengarangnya iaitu Muhammad Quraish Shihab merupakan seorang mufassir yang mempelopori *Tafsir al-Mawdu'iy* (tema) di Nusantara. Beliau merupakan seorang pakar tafsir dan berkelulusan doktor falsafah dalam ilmu-ilmu al-Quran dari Universiti al-Azhar. Kepakaran beliau terbukti apabila menghasilkan tafsir al-Quran lengkap iaitu *Tafsir al-Mishbah*. Antara karya beliau yang lain berkaitan *Tafsir al-Mawdu'iy* ialah *Wawasan al-Quran: Tafsir Maudu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Ketokohan beliau diakui oleh Jabatan Agama Republik Indonesia⁴¹. Ketokohan beliau ini telah menjadikan M. Quraish Shihab antara tokoh tafsir al-Quran terbaik khususnya di Indonesia pada masa kini jika

³⁸ Fauzi Deraman & Mustafa Abdullah (2010). *Pengantar Usul Tafsir*, h.94.

³⁹ Muhammad Ibrahim al-Mishri (1995). *1000 Tanya Jawab Tentang Islam*, h. 33.

⁴⁰ Ramzi Naknā'ah (1970). *al-Isrā'īlyāt wa Atharuhā fī Kutub al-Tafsir*, h. 323.

⁴¹ Muhammad Quraish Shihab (1996). *Wawasan al-Quran: Tafsir Maudu'i Atas Pelbagai persoalan Umat*, h. xix.

dibandingkan dengan tokoh-tokoh ilmuwan lain di Nusantara⁴². Selain itu, tafsir ini juga membawa pendekatan metode Tafsīr bi al-Mā'thūr dan Tafsīr bi al-Rā'yi tetapi kecenderungan kepada tafsiran akal agak meluas jika dibandingkan dengan tafsiran Tafsir bi al-Mā'thūr membolehkan beliau menjelaskan mufradat ayat serta terdedah kepada menganalisis permasalahan fiqh semasa. Ini dapat membantu kajian ini untuk menganalisis isu-isu semasa berkaitan alam sekitar⁴³.

Rujukan kepada tafsir ini juga adalah sebagai perbandingan untuk mendapatkan perspektif yang lebih terkini dalam konteks penafsiran ayat-ayat al-Quran berkaitan.

Batasan-batasan kajian pula melibatkan perkara-perkara berikut:

- i. Batasan subjek kajian- Subjek kajian ini hanya tertumpu kepada ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar. Kaedah pengumpulan data hanya akan tertumpu pada ayat-ayat yang mengandungi perkataan 'penjagaan' atau hampir sama maknanya dengan perkataan 'penjagaan'.
- ii. Batasan faktor analisis-Analisis dalam kajian ini merujuk kepada dua tafsir utama iaitu tafsir klasik *Ibn Kathīr* dan tafsir moden *al-Miṣbah*. Disamping itu lain-lain kitab tafsir juga akan dirujuk untuk meluaskan lagi perbincangan.

⁴² Howard M. Federspiel (1996). *Kajian al-Qur'an di Indonesia: dari Mahmud Yunus hingga M. Quraish Shihab* (terj. Tajul Arifin). Bandung Mizan, h. 295.

⁴³ Muhd Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim & Kharuddin Mohd Amin (2011). *Metode Dakwah dalam Kitab Tafsir al-Miṣbah oleh M. Quraish Shihab*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, h. 329.

1.9 Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan dalam kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama ialah kaedah pengumpulan data dan bahagian kedua ialah kaedah penganalisan data. Kaedah penyelidikan ini berbentuk kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian teks. Seterusnya untuk kaedah penganalisan data, kajian ini lebih berbentuk kualitatif. Penyelidikan kualitatif kerap didefinisikan sebagai kajian yang tidak melibatkan nombor atau statistik⁴⁴. Menerusi penyelidikan kualitatif, pengkaji membuat penelitian secara langsung terhadap bahan kajian dan berusaha mendapat pemahaman yang mendalam mengenainya di samping menterjemah dan mentafsir kutipan data yang diperolehi⁴⁵. Kajian ini akan menyelidik, memahami dan menghuraikan ayat-ayat penjagaan alam sekitar yang terdapat dalam al-Quran.

1.9.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Kaedah ini mengumpulkan data-data secara dokumentasi. Segala maklumat yang diperolehi digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji agar kefahaman dari aspek teoritikal terhadap kajian yang dijalankan dapat dikuasai dengan baik. Ia termasuklah aplikasi kaedah *Tafsīr al-Mawḍū'iy* dalam kajian ini. Kaedah *Tafsīr al-*

⁴⁴ John McLeod (1997). *Melaksanakan Penyelidikan Kaunseling* (terj. Issham Ismail & Wan Mahzom Ahmad Syah), h. 74.

⁴⁵ Noraini Mohd Salleh (2001), *Etika dan Penyelidikan Kualitatif*, Marohaini Yusoff (edit.), *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, h.2-3. Lihat juga Roshimah Shamsudin (2010). *Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī dan Metodologi Penentuan Ḥadīth Ḍa'īf: Satu Kajian Sīlsīlah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*, h.25.

Mawḍū'iy yang dipilih adalah menghimpun dan menyusun ayat-ayat al-Quran yang memiliki persamaan dan tujuan tema. Kaedah perpustakaan bertujuan untuk mendapatkan data sekunder untuk kajian ini. Sumber-sumber untuk data ini boleh diperolehi melalui sumber-sumber ilmiah seperti tesis, disertasi, artikel jurnal, buku-buku dan kertas-kertas seminar serta laman sesawang.

Kaedah perpustakaan ini juga akan melibatkan pengumpulan data dari beberapa buah perpustakaan universiti dalam Malaysia. Antaranya termasuklah Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam Pusat Islam Malaysia dan Kolej Universiti Insaniah.

1.9.2 Kaedah Temu bual Tidak Berstruktur

Temu bual tidak berstruktur melibatkan soalan-soalan umum yang akan menjadi tujuan kajian. Cara ini memberi peluang pada penyelidik untuk membuat temu bual dalam cara yang biasa (natural) dan bebas bertanya soalan pada responden. Mengikut cara temu bual ini susunan dan cara soalan yang bersesuaian akan diutarakan mengikut situasi temu bual tersebut. Sebagai satu panduan, satu senarai soalan akan disediakan dan jarang menggunakan jadual temu bual yang tetap. Teknik ini membenarkan jawapan atau pengamatan yang bebas dan terbuka dilakukan tanpa membuat apa-apa ketetapan awal ke atas soalan-soalan yang akan diutarakan. Oleh itu dalam temu bual cara ini, kategori jawapan tidak disediakan serta tidak ada